

# Johor tidak benarkan 'orang tengah' berurusan di pejabat-pejabat kerajaan negeri

**NUSAJAYA** – Kerajaan Johor tidak akan membenarkan penggunaan 'orang tengah' bagi mewakili individu atau sesebuah syarikat semasa berurusan dengan pejabat-pejabat kerajaan di negeri ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Ismail Karim berkata, tindakan berkenaan bertujuan mengelakkan penyalahgunaan

kuasa dalam kalangan ketua jabatan kerajaan sekali gus menepis persepsi negatif rakyat terhadap penjawat awam negeri ini.



ISMAIL

“Terdapat tuduhan mengatakan 'orang tengah' atau broker yang mewakili individu atau syarikat untuk mengurus dan memudahkan apa jua perkhidmatan di jabatan kerajaan itu dilayan baik

oleh ketua jabatan contohnya di pejabat tanah dan pihak berkuasa tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perjumpaan dan pengumuman pertukaran pegawai kanan kerajaan negeri Johor di Kota Iskandar di sini semalam.

Ismail berkata, sehubungan itu, kerajaan negeri mengingatkan semua ketua jabatan supaya tidak melayan 'orang tengah' terbabit kecuali badan profesional

yang dilantik dan mempunyai kuasa bagi mewakili sesebuah syarikat atau individu untuk berurusan dengan kerajaan negeri.

Terdahulu, pada majlis itu, Ismail mengumumkan pertukaran membabitkan 34 jawatan kanan pegawai tadbir Johor menerusi tiga fasa berkuat kuasa 1 Disember 2014, semalam dan 15 Januari ini termasuk mewujudkan satu jawatan baharu bagi mengurus serta menyelia Majlis Agama Islam Johor.

KOSMO 2/1/15